

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HIT 402 Sains Dalam Islam

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan. Anda diWAJIBkan menjawab SATU (1) soalan daripada setiap bahagian A, B, C dan D.

Tiap-tiap jawapan bagi setiap satu bahagian itu mestilah dijawabkan di dalam buku yang berasingan.

Di akhir peperiksaan anda mesti menghantar empat (4) jawapan dari empat (4) bahagian yang BERLAINAN dalam EMPAT IKATAN JAWABAN YANG BERASINGAN.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab SATU (1) soalan

1. Fakta-fakta sejarah menunjukkan bahawa ahli-ahli sains Barat moden telah mengeluarkan agama dari bidang-bidang ilmu yang mereka terokai, sementara masih ada ahli-ahli sains Islam yang mampu mempertahankan idea bahawa sains mestilah tunduk kepada, dan dikawal oleh, aqidah Islamiyyah. Bincangkan.
2. Bincangkan dengan kritis tentang bagaimanakah ilmu-ilmu, khususnya ilmu sains, dari tradisi-tradisi Greek/Yunani, Rom/Romawi, Mesir/Iskandariyah, Parsi/Sasaniyah, India dan China diintergrasikan ke dalam tradisi keilmuan Islam oleh para ilmuan Muslim zaman dahulu.

BAHAGIAN B - Jawab SATU (1) soalan

3. Pengabaian dimensi rohaniyyah pada diri manusia serta desekralisasi alam adalah dua akibat negatif daripada perkembangan ilmu yang berdasarkan pandangan hidup sekular. Huraikan pernyataan ini secara kritis.
4. Al-Qur'ān banyak menyentuh tentang fenomena-fenomena alam tabi'i yang telah dibuktikan ketepatannya oleh sains moden. Sebutkan dua isu saintifik tersebut yang disentuh di dalam al-Qur'ān, kemudian bincangkan secara ilmiah.

BAHAGIAN C - Jawab SATU (1) soalan

5. Bandingkan secara kritis di antara evolusionisme (faham evolusi) dengan Islam berhubung dengan konsep penjadian dan penciptaan insan.
6. Tulis satu esei mengenai saintisme yang dilihat atau dibaca secara kritis dari perspektif Islam.

BAHAGIAN D - Jawab SATU (1) soalan

7. Bincangkan secara kritis konsep-konsep penting yang harus dimiliki oleh sesuatu sistem perubatan sebelum ianya dapat digelar atau dikategorikan sebagai Holistik atau Islamik.

Di dalam jawapan anda tersebut pastikan bahawa aspek-aspek falsafah dan amalannya juga turut dibincangkan.

8. Bahaskan permasalahan alam sekitar masakini dan beri penyelesaiannya menurut Islam.

-oooOOOooo-